

# Pembangunan Model Etika Pergaulan dari Perspektif Syarak Islam

**BITARA**

Volume 6, Issue 3, 2023: 109-116  
© The Author(s) 2023  
e-ISSN: 2600-9080  
<http://www.bitarajournal.com>  
Received: 21 May 2023  
Accepted: 29 June 2023  
Published: 18 July 2023

## [The Development of A Model of Association Ethics from The Perspective of Islamic Syarak]

Ahmad Fadhil Mat Dahan,<sup>1\*</sup> Anas Mohd Yunus,<sup>2</sup> Md Hamzaini Azrol Md Baharudin,<sup>1</sup> Lokman Abdul Rasol<sup>1</sup> & Muhammad Muzakkir Othman<sup>1</sup>

1 Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA, Kampus Jengka, 26400 Bandar Pusat Jengka Pahang MALAYSIA.

2 Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, MALAYSIA

\*Corresponding Author: [ahmadfadhil@pahang.uitm.edu.my](mailto:ahmadfadhil@pahang.uitm.edu.my)

### Abstrak

Socializing (*ikhtilat*) among human beings is highly demanded in Islam and is one of the main goals of the development of Islamic Civilization itself. Even so, it is limited by ethics and religious boundaries to prevent people from falling into the valley of destruction and immorality. The purpose of writing this paper is to reveal to the public about the concept and ethics of association according to the *syarak* perspective and then the proposed development of a new model of association ethics for IPTS students in the East Coast to reduce the rate of crime and immorality in the higher education centers involved. modules as well as references to either Public Universities (UA) or Higher Education Institutions (IPT) to improve students' morals and subsequently form a positive and ethical society in line with the Islamic Shari'a requirements set by Allah SWT.

**Kata kunci:** Model Etika Pergaulan, *ikhtilat*, IPTS, Pantai Timur Semenanjung Malaysia

### Abstract

Socializing (*ikhtilat*) among human beings is highly demanded in Islam and is one of the main goals of the development of Islamic Civilization itself. Even so, it is limited by ethics and religious boundaries to prevent people from falling into the valley of destruction and immorality. The purpose of writing this paper is to reveal to the public about the concept and ethics of association according to the *syarak* perspective and then the proposed development of a new model of association ethics for IPTS students in the East Coast to reduce the rate of crime and immorality in the higher education centers involved. modules as well as references to either Public Universities (UA) or Higher Education Institutions (IPT) to improve students' morals and subsequently form a positive and ethical society in line with the Islamic Shari'a requirements set by Allah SWT.

**Keywords:** *Social Ethics Model, ikhtilat, IPTS, East Coast of Peninsular Malaysia*

### Cite This Article:

Ahmad Fadhil Mat Dahan, Anas Mohd Yunus, Md Hamzaini Azrol Md Baharudin, Lokman Abdul Rasol & Muhammad Muzakkir Othman. (2023). Pembangunan Model Etika Pergaulan dari Perspektif Syarak Islam [The Development of A Model of Association Ethics from The Perspective of Islamic Syarak]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 6(3): 109-116.

## Pengenalan

Islam adalah satu sistem hidup (*nizam al-hayah*) yang diturunkan oleh Allah SWT kepada seluruh umat manusia merangkumi setiap perkara dalam kehidupan serta memenuhi kehendak jasmani dan rohani manusia termasuk aspek akidah syariah ibadah dan akhlak. Islam juga menggalakkan pergaulan sesama manusia tanpa mengira bangsa, warna kulit, keturunan, rupa dan lain-lain. Pergaulan yang baik haruslah berlaku atas dasar saling menghormati, menyayangi dan melindungi hak asasi setiap insan. Walaupun begitu, Islam menggariskan panduan yang lengkap berkaitan pergaulan antara lelaki dan perempuan untuk menjaga keharmonian sejagat berasaskan maqasid syariah selaras dengan firman Allah SWT dalam al-Quran yang bermaksud:

“Wahai manusia! sesungguhnya Kami menciptakan kamu daripada seorang laki-laki dan seorang perempuan dan menjadikan kamu berbangsa-bangsa dan bersuku-suku supaya kamu saling kenal-mengenal. Sesungguhnya orang yang paling mulia di antara kamu di sisi Allah ialah orang yang paling bertakwa di antara kamu. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui lagi Maha Mengenal” (Surah al Hujurat 49:13).

Pergaulan merupakan fitrah manusia sebagai makhluk sosial yang tidak mungkin boleh hidup secara bersendirian. Malahan memiliki sifat tolong-menolong dan memerlukan antara satu sama lain. Interaksi sesama manusia mewujudkan kemaslahatan besar bagi manusia tu sendiri melalui hubungan dalam organisasi tempat kerja dan sebagainya. Namun begitu pergaulan tanpa dibentangi iman yang kukuh akan mudah membuatkan seseorang Muslim terjerumus ke lembah maksiat atau jenayah (Adnan et al 2013).

Senario kini membuktikan peningkatan aktiviti-aktivis tidak bermoral seperti pergaulan bebas, video lucah, perkosaan, rompakan, pembunuhan dan sebagainya menyebabkan masyarakat berada dalam situasi kebimbangan serta ketakutan (Hanisah et al. 2013). Ia berpunca dan ketidakpatuhan terhadap sumber ajaran Islam sebenar serta melanggar garis panduan pergaulan dan norma kemanusiaan yang dianjurkan oleh syarak

## Konsep Etika Pergaulan

Pergaulan merujuk perkataan *ikhtilat* dalam Bahasa Arab berasal dan perkataan *khalata* yang bermaksud gaul atau campur (Ibn Manzur 1900). Manakala perkataan *ikhtilat* itu sendiri bermaksud bercampur atau bergaul (Alias & Anisah, 2007). Selain itu ia juga didefinisikan sebagai perjumpaan antara lelaki dan perempuan yang bukan mahram di tempat yang sama yang membawa saling bertemu, melihat dan bercakap antara satu sama lain (Abd Karim 1994). Islam secara dasarnya tidak melarang pergaulan sesama manusia. Malahan menjadi matlamat utama pembinaan sesebuah tamadun khususnya tamadun Islam menjaga hubungan baik sesama manusia (Ramawan (ed) 2012). Walaupun begitu, pergaulan yang baik dan diredai Allah SWT perlu berpandukan syariat Islam dan menepati norma-norma baik. Ia juga mesti meraikan fitrah manusia dan masyarakat Islam yang hidup dalam negara yang membangun.

Kita juga tidak terlepas dari arus modenisasi. Malaysia yang merupakan sebuah negara yang berbilang kaum berpotensi terpengaruh dengan unsur-unsur budaya Barat khususnya kaum wanita. Ia berpunca dari penerimaan tanggapan, persepsi dan teori Barat yang menyatakan bahawa wanita harus berdiri sama taraf dengan kaum lain.

Dalam hubungan sosial masyarakat, kebebasan mutlak yang diberikan bukanlah satu keperluan secara berlebihan tetapi ianya dikaitkan dengan batasan dan etika tertentu (Taqqyuddin, 2007). Menurut Sofiah & Mazian (2013) beberapa prinsip *ikhtilat* telah dirakamkan oleh Allah SWT dalam surah An-Nur dan Al-Ahzab seperti berikut

1. Kefarduan setiap Muslim menjaga kemaluan dan zina, liwat, lesbian serta menjaganya daripada dilihat dan disentuh. Seterusnya menjaga kehormatan diri sendiri dan orang lain daripada mendekati zina (surah An-Nur ayat 2).
2. Kediaman atau rumah merupakan tempat terbaik buat wanita khususnya isteri. Keluar rumah bagi wanita adalah jika perlu sahaja serta memelihara kehormatan dan kesucian diri jika tidak berkahwin (surah Al-Ahzab ayat 33).
3. Pengharaman bagi lelaki dan perempuan bertemu tanpa sebab yang dibenarkan syarak kerana kedua-duanya perlu menjaga pandangan dan syahwat serta tidak menzahirkan perhiasan kepada bukan mahram (surah An-Nur ayat 30-31)
4. Pengharaman memasuki rumah tanpa izin kerana rumah atau kediaman adalah tempat terpeliharanya aurat (surah An-Nur ayat 27)

Jelaslah kepada kita bahawa Allah SWT sangat mementingkan soal pemeliharaan maruah, kehormatan dan hak-hak asas tidak kira lelaki mahu pun perempuan. Ini menunjukkan bahawa manusia perlu menjaga batas-batas pergaulan (*ikhtilat*) bagi menjamin keharmonian dan kesejahteraan hidup di dunia dan keredaan Allah SWT di akhirat kelak. Asas pergaulan patuh syarak perlu disemai sejak dari alam persekolahan lagi supaya ianya terdidik secara semula jadi dalam diri serta merupakan akhlak baik kepada masyarakat. Oleh tu pemilihan rakan / kawan menjadi faktor utama asas pergaulan bagi melahirkan masyarakat yang positif (Sulaiman. 2003) khususnya di universiti, Ciri-ciri kawan yang baik adalah seorang yang bermotivasi tinggi, menghormati ibu-bapa dan pensyarah dan sentiasa terurus diri dalam kehidupan pintar dalam subjek yang diceburi, mahir berkomunikasi taat kepada perintah Allah dan mestilah mempunyai keyakinan diri yang tinggi.

## Konsep Etika Pergaulan dari Perspektif Syara' Islam

Hukum asal pergaulan di antara perempuan dan lelaki asing adalah haram. Oleh itu pengharaman ini tidak didasarkan kepada nas yang jelas dan tepat. Pengharamannya hanya diasaskan kepada hukum lain yang pada asalnya dikhususkan bagi golongan wanita, kerana dalam hukum-hukum terbabit terdapat unsur-unsur pergaulan antara perempuan dan lelaki asing. Hukum-hukum yang dimaksudkan ialah; larangan berkhalwat tanpa mahram, etika pergaulan, etika percakapan, adab bersentuhan dan sebagainya.

Penjelasan Imam al-Nawawi (1278M) dalam "*Kitab al-Riyadus Solehin*", bahawa pergaulan perempuan dan lelaki ajnabi yang dikategorikan sebagai darurat atas tujuan

memberikan perlindungan atau menyelamatkan perempuan terbabit daripada bahaya adalah diharuskan dengan syarat tidak ada tujuan-tujuan lain. Hukum ini adalah satu pengecualian dari hukumnya yang asal, iaitu haram seperti:

1. Pergaulan sesama lelaki dan wanita untuk menguruskan kes muamalah harta, seperti jual beli dan aktiviti transaksi.
2. Pergaulan di antara lelaki dan wanita semasa bekerja.
3. Pergaulan di antara lelaki dan wanita semasa menjadi saksi.
4. Pergaulan di antara lelaki dan wanita di dalam kenderaan awam.
5. Pergaulan mengikut kebiasaan adat dalam majlis-majlis.
6. Pergaulan di antara lelaki dan wanita semasa belajar dan keberadaan di kolej.

## Permasalahan Kajian

Di Malaysia, masalah sosial remaja menunjukkan peningkatan hampir setiap tahun. Antara masalah yang berada pada tahap yang membimbangkan ialah masalah pergaulan tanpa batasan, perzinaan, pembuangan bayi, khalwat, rogol dan penyalahgunaan dadah. Sebagai contoh berkaitan dengan penyalahgunaan dadah, pada tahun 2017, seramai 25,992 orang di negara ini dilaporkan telah terlibat dengan penyalahgunaan dadah. Kes baru penyalahgunaan dadah sebanyak 18,440 dan kes berulang 7,484 orang yang terlibat dengan dadah. Dari jumlah tersebut 24,926 adalah penagih lelaki manakala 996 orang adalah penagih wanita. Penagih dari kalangan orang Melayu adalah paling ramai sebanyak 20,956 dan bakinya daripada etnik Cina, India dan lain-lain etnik Bumiputra. Majoriti yang terlibat adalah golongan muda berumur 13-39 tahun dan faktor utama yang menyumbang adalah pengaruh rakan sebaya sebanyak 16,209 orang. (Agensi Anti Dadah Kebangsaan 2018). Manakala bagi kes remaja hamil luar nikah, Kementerian Kesihatan Malaysia melaporkan sebanyak 3,938 kes pada tahun 2016 dan 3,694 kes pada tahun 2017. Ada sedikit penurunan pada tahun 2018 sebanyak 2,873 kes dilaporkan. (Kementerian Kesihatan Malaysia 2019)

## Persoalan Kajian

1. Apakah konsep dan etika pergaulan menurut perspektif Islam?
2. Sejauh manakah etika pergaulan menurut perspektif syarak mampu mengurangkan kadar jenayah dan muamalat pelajar Institusi Pengajian Tinggi Swasta (PTS) di Pantai Timur?

## Objektif Kajian

1. Menghuraikan konsep serta etika pergaulan menurut perspektif Islam?
2. Membina model etika pergaulan menurut perspektif syarak terhadap pelajar IPTS di Pantai Timur?

## Metodologi Kajian


Reka bentuk kajian yang dipilih bersifat kuantitatif dan kualitatif dalam pengumpulan data atau lebih dikenal sebagai *exploratory sequential mixed method* melibatkan kajian lapangan (*field research*) menggunakan instrumen temubual dan kajian deskriptif tinjauan (*descriptive research survey*) menggunakan soal selidik. Teknik pensampelan yang digunakan dalam kajian ini terbahagi kepada dua jenis iaitu pensampelan purposif (*Purposif Sampling*) bagi temubual melibatkan ahli akademik UA terpilih manakala pensampelan berkelompok (*Cluster sampling*) pula melibatkan responden soal selidik bagi semua IPTS terlibat. Perisian *Nvivo 10* digunakan untuk analisis data kualitatif, manakala perisian *IBM SPSS (Statistical Package for the Social Sciences)* versi 20.0 untuk mendapatkan statistik deskriptif. Sebanyak enam buah IPTS terlibat dalam kajian ini iaitu :

1. Kolej Kosmopoint & Universiti Terbuka Malaysia (OUM) di Kelantan.
2. Terengganu *Advanced Technical Institute* (TATI) & *Ronaco Education and Training Institute* (RETI) di Terengganu.
3. Kolej Universiti Yayasan Pahang (KYP) dan Kolej Shahputra di Pahang.

## Kepentingan Kajian

Hasil kajian ini akan menyumbang kepada pembangunan teori dan aplikasi ilmu dari sudut pengujian hubungan pergaulan yang melibatkan nilai, akhlak, akidah dan syariat Islam melalui pengajaran dan pembelajaran di institut Pengajian Tinggi (IPT). Model yang terhasil mampu dijadikan modul rujukan bukan sahaja kepada IPTS terlibat malahan boleh diguna pakai oleh pihak yang berkepentingan Malaysia seperti Jabatan Agama Islam Malaysia (JAKIM), Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dan Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) serta institusi pendidikan sama ada peringkat rendah mahupun menengah.

## Dapatan Kajian



Rajah: Model Etika Pergaulan

Berdasarkan jadual dalam carta aliran di atas, objektif kedua ialah penyelesaian kepada punca-punca permasalahan kerosakan akhlak yang berlaku apabila umat Islam mengabaikan syariah Islam dalam kehidupan. Terdapat pelbagai jenis jalan penyelesaian yang boleh dilakukan, antaranya adalah aktiviti-aktiviti berbentuk penghayatan Islam perlu diperbanyakkan terutama di sekolah-sekolah harian dan pelajar diwajibkan untuk menyertainya. Hal ini supaya dapat membendung permasalahan ini. Semua pihak seharusnya memainkan peranan yang besar dalam mengurangkan isu permasalahan ini. Selain itu, menguatkuasakan undang-undang. Di samping itu, umat Islam perlu mendalami hukum fiqh supaya setiap perlakuan dalam kehidupan seharian tidak bercanggah. Ia membuktikan bahawa

syariat Islam berupaya menjawab segala isu dan permasalahan umat pada setiap zaman. Dalam pada itu, pendakwah yang bertauliah boleh mendedahkan amalan-amalan yang betul berdasarkan ajaran daripada al-Quran supaya dapat membuka mata serta menyedarkan dan membimbing umat Islam agar dapat menghindari daripada ajaran-ajaran yang tidak berunsurkan al-Quran. Lain daripada itu, sebagai masyarakat yang bertanggungjawab haruslah menentang sebarang bentuk perzinaan yang boleh memusnahkan akhlak negara ini. Seterusnya peranan psikologi amat penting untuk membentuk akhlak seperti proses pendidikan dan penerangan tentang akhlak perlu dilakukan supaya remaja dapat dibentuk dengan nilai-nilai murni dan ke arah yang lebih positif. Tambahan pula, ibu bapa juga perlu memainkan peranan yang penting untuk memberikan pendidikan moral untuk anak-anak. Kemudian, membuat perancangan yang bagus untuk masyarakat seperti mengasingkan penonton perempuan dan lelaki. Hal ini dikatakan demikian kerana negara kita terdiri dalam pelbagai kaum. Mengikuti tuntutan yang benar menurut Islam pasti akan mengerjakan tuntutan Islam secara lengkap dalam mengerjakan ibadah dan berakhlak mulia sesama insan. Nilai akhlak yang boleh dipraktikkan dalam pengajaran guru Pendidikan Islam di sekolah rendah ataupun sekolah menengah adalah dengan menurut pandangan al-Ghazali. Guru Akhir sekali, pendidikan Islam adalah sebagai medium yang penting untuk membina sahsiah diri murid. Oleh itu, objektif kajian yang kedua telah terjawab.

## Kesimpulan

Pembangunan model baharu etika pergaulan dari perspektif Islam in mampu memberikan alternatif dan cara baharu bagi menangani masalah sosial dalam kalangan pelajar IPTS khususnya di Pantai Timur bagi meneruskan kecemerlangan keilmuan di IPT masing-masing dari hasil penerapan nilai keislaman sebenar selari dengan kehendak syarak Islam sebenar.

## Rujukan

- Adnan, M.Y., Mohd Faul, M.A., Abdul Qadir, U.U Kauthar, A.K. Abdul Rahman, O.H. Kabiru G.M. Zohd, M. Noor Azma, M.K. & Zamme. (2013). *Quran Melonjak Transformal Ummah (Surging The Ummah Transomalion)*. Bandar Baru Nilai Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia.
- Alas, O. & Anisah, A.G. (2007). *Islam itu Mudah*. Kuala Lumpur Pt Islamika.
- Fazilah, A.M., Ahmad Munawar & Hazyah H. (2013). Islamic View on the Muslim Ethics of Loving World. *Applied Scences Journal* 27(10): 1380-1384.
- Ibn Manzur. (1990) *Lisan al-Arab*. Jil. 3 Beirut: Dar Sadr.
- Imam al-Nawawi. (2012). *Riyadus Solihin*, Lubnan: Maktabah Lubnan.
- Institut Kesihatan Negara, Kementerian Kesihatan Malaysia (2019). *Statistik Kes sosial Remaja*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Ramawan (ed). (2012). *Pengantar & Sejarah Pemikiran Islam*. Air Keroh: Penerbitan Alambaca Sdn Bhd.
- Sulaiman, M. (2003). *Panduan Belajar di Universiti*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.

Taqyyudin, A. (2007). *Sistem pergaulan dalam Islam*. Jakarta Selatan: Hizbut Tahrir Indonesia.  
Zaydan, 'Abd al-Karim. (1994). *Al-Mutassal Ahkam al-Marah al-Bayt al-Muslim 3*. Beirut  
Muassasah al-Risalah.